BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN : 10/02/48 (BN)


EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Isnin, 28 Oktober 2002

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
SEPTEMBER 2002


Pada bulan September, secara keseluruhannya keadaan monetari kekal stabil. Inflasi yang rendah, kadar faedah yang rendah dan stabil serta keadaan mudah tunai yang lega terus menyediakan persekitaran positif untuk aktiviti pembiayaan sektor swasta. Pinjaman yang diluluskan dan pengeluaran pinjaman adalah lebih tinggi, sementara bekalan wang secara luas terus meningkat. Dana yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi, terutamanya melalui pasaran sekuriti hutang swasta. Dalam keadan ini, dasar monetari yang akomodatif terus menyokong mengukuhkan pemulihan ekonomi.

Kadar faedah dalam negeri terus kekal rendah dan stabil


Pada bulan September, **kadar faedah pasaran wang antara bank** kekal rendah dan stabil. Operasi mudah tunai BNM adalah mengembang, bagi mengekalkan persekitaran mudah tunai yang stabil yang dapat menyokong aktiviti pembiayaan di dalam ekonomi.



Operasi mudah tunai BNM mengembang sebanyak RM2.8 bilion bagi mengimbangi kesan penguncupan daripada operasi luar negara dan Kerajaan.




Mudah tunai kekal lega pada bulan September.




Kadar faedah antara bank di pasaran wang yang rendah dan stabil terus dikekalkan bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri

Kadar purata berian pinjaman asas (BLR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah pada sepanjang bulan. Arah aliran yang sama telah juga ditunjukkan oleh **kadar purata pinjaman** (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan (masing-masing pada 6.51% dan 9.93% pada akhir September; masing-masing pada 6.46% dan 10.00% pada akhir bulan Ogos).




BLR dan ALR kekal rendah dan stabil.

Pada 15 October, struktur terma bagi **purata kadar faedah deposit tetap** untuk semua tempoh matang bagi kedua-dua bank perdagangan dan syarikat kewangan, kekal tidak berubah.




Kadar faedah deposit tetap bagi bank perdagangan kekal tidak berubah



...begitu juga bagi syarikat kewangan

Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3-Bulan




Kadar faedah benar deposit tetap 3 bulan bagi bank perdagangan kekal tidak berubah pada bulan September

Ringgit meningkat nilai berbanding kebanyakan mata wang utama dan berbanding mata wang serantau pada bulan September

Pada bulan September, **ringgit meningkat nilai berbanding kebanyakan mata wang utama**, selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa. Ringgit meningkat nilai berbanding euro sebanyak 0.1% dan yen Jepun sebanyak 3.0%, sementara menyusut nilai berbanding paun sterling sebanyak 1.1%. Dolar AS mengukuh berikutan pertumbuhan KDNK suku kedua AS yang melebihi jangkaan serta penerbitan data ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan bagi guna tenaga, penjualan runcit dan permintaan barangan tahan lama. Sebaliknya, euro menjadi lemah berikutan penerbitan data yang menunjukkan pertumbuhan ekonomi suku tahun kedua yang lembap dan penurunan dalam pengeluaran perindustrian negara Jerman pada bulan Julai yang di luar jangkaan. Yen Jepun dibelenggu oleh peningkatan kekhuatiran pasaran mengenai perkembangan dalam sistem kewangan negara itu.


Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Utama
(Purata mingguan)



Ringgit meningkat nilai berbanding kebanyakan mata wang utama

Ringgit meningkat nilai berbanding wang serantau dalam lingkungan 1.1% - 2.8%. Mata wang serantau dipengaruhi oleh kebimbangan pasaran terhadap kemungkinan kesan negatif kenaikan harga minyak terhadap negara-negara serantau berikutan perkembangan di Timur Tengah serta aliran keluar modal yang berkaitan dengan pasaran ekuiti.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau
(Purata mingguan)



Ringgit meningkat berbanding mata wang serantau

Sepanjang tempoh **1 – 25 Oktober 2002**, ringgit mengukuh berbanding mata wang utama sementara mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Ringgit meningkat nilai berbanding euro sebanyak 0.4%, yen Jepun sebanyak 1.9% dan paun sterling sebanyak 0.6%. Dolar AS mengukuh berikutan pertumbuhan sektor perkhidmatan yang melebihi jangkaan dan penurunan kadar

pengangguran yang tidak diduga bagi bulan September, serta pemulihan pasaran ekuiti berikutan laporan pendapatan sektor korporat yang melebihi jangkaan. Mata wang euro menjadi lemah berikutan prospek ekonomi yang semakin malap di kawasan euro. Yen Jepun menjadi lemah disebabkan kebimbangan pasaran terhadap kesan ekonomi jangka pendek ekoran daripada penyusunan semula sektor perbankan yang lebih agresif. Pada masa yang sama, ringgit meningkat nilai berbanding sebilangan mata wang serantau dalam lingkungan 0.1% - 2.4%, sementara menyusut nilai berbanding dolar Singapura sebanyak 0.2%. Nilai ringgit secara relatifnya tidak berubah berbanding won Korea. Kesemua mata wang Asia Tenggara turun nilai berbanding dolar AS sejurus selepas peristiwa peletupan bom di Bali.


Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Sep. 2002	25 Okt. 2002	% Perubahan			
				September 2002	Akhir-Sep. - 25 Okt. 2002	Akhir-2001 - 25 Okt. 2002	2 Sep. 1998 - 25 Okt. 2002
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	3.7379	3.7217	0.1	0.4	-9.6	-
Paun sterling	6.3708	5.9464	5.9113	-1.1	0.6	-6.7	7.8
100 yen Jepun	2.7742	3.1280	3.0691	3.0	1.9	-5.7	-9.6
Dolar Singapura	2.1998	2.1384	2.1419	1.6	-0.2	-4.2	2.7
100 baht Thai	9.3713	8.7608	8.7477	2.8	0.1	-1.7	7.1
100 peso Filipina	8.8302	7.2526	7.1570	1.1	1.3	2.9	23.4
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0422	0.0412	1.7	2.4	-11.4	-14.1
100 won Korea	0.2827	0.3093	0.3092	2.4	0.0	-6.8	-8.6

Inflasi kekal tidak berubah

Kadar inflasi tahunan, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Penguna** (IHP, 2000=100), kekal tidak berubah pada tahap 2.1% pada bulan September (Ogos: 2.1%). Kenaikan dalam IHP terutamanya disumbangkan oleh harga yang lebih tinggi bagi pengangkutan dan perhubungan, disebabkan oleh pelarasan harga dalam bayaran perkhidmatan telefon pada bulan Mac 2002. Pada asas bulanan, IHP meningkat hanya sebanyak 0.1%.

Indeks Harga Pengguna




Inflasi kekal tidak berubah

Harga pengeluar terus meningkat

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengeluar** (IHPR, 1989=100), meningkat sebanyak 4.5% pada asas tahunan pada bulan Ogos (Julai: 3.8%). Kenaikan di dalam IHPR mencerminkan harga yang lebih kukuh bagi minyak sawit mentah, minyak mentah dan getah. Sementara itu, tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras meningkat sebanyak 0.3%.

Indeks Harga Pengeluar




Harga pengeluar terus meningkat

M3 terus meningkat


Seiring dengan pertumbuhan dalam aktiviti ekonomi, agregat monetari terus meningkat pada bulan September. Kedua-dua M1 dan M3 telah meningkat lagi pada bulan tersebut (masing-masing sebanyak RM0.3 bilion dan RM2 bilion). Pada asas tahunan, M1, M2 dan M3 telah meningkat masing-masing sebanyak 9%, 4.6% dan 5.5% pada akhir bulan September (masing-masing sebanyak 10.6%, 5.8% dan 6.2% pada akhir bulan Ogos). Kenaikan dalam M3 berpunca daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan perbankan serta operasi Kerajaan yang lebih tinggi.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Ketiga-tiga agregat monetari terus meningkat pada bulan September

M3: Perubahan Bulanan



Setelah diselaraskan dengan kesan bermusim, M3 terus meningkat pada asas bulanan

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2002			
	Jul	Ogos	Sep	Jan - Sep
M3	1.8	3.7	2.0	20.7
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	0.6	3.3	1.0	10.4
Tuntutan ke atas sektor swasta	-1.9	3.9	4.5	18.4
Operasi luar bersih [1]	1.2	-0.9	-2.4	2.2
Pengaruh lain	1.8	-2.6	-1.1	-10.3

1/ sebelum penilaian semula

Peningkatan dalam M3 mencerminkan aktiviti pembiayaan bank dan operasi Kerajaan yang lebih tinggi

Deposit sistem perbankan lebih kukuh

Jumlah deposit sistem perbankan meningkat sebanyak RM489 juta atau 0.1% pada bulan September, terutamanya mencerminkan peningkatan dalam deposit oleh perusahaan perniagaan dan kerajaan persekutuan. Pada asas tahunan, jumlah deposit mengembang sebanyak 3.1% pada akhir bulan September.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Jul.	**Ogos**	**Sep.**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	-502	-574	944
Kerajaan Negeri	-516	100	-7
Badan Berkanun[1/]	250	-1,079	-446
Institusi Kewangan	-1,246	3,045	-1,497
Perusahaan Perniagaan	487	648	1,434
Individu	874	1,578	172
Lain-lain	54	-130	-112
Jumlah	**-598**	**3,587**	**489**

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

Deposit oleh perusahaan perniagaan, kerajaan persekutuan dan individu meningkat


Perubahan Bulanan dalam Deposit			(RM juta)
	2002		
	Jul.	Ogos	Sep.
Jenis			
Deposit tetap	929	-1,672	2,282
NID	-873	1,515	-782
Deposit permintaan	-177	108	843
Deposit tabungan	19	-163	24
Perjanjian beli balik *(Repo)*	178	3,914	-1,110
Deposit mata wang asing	-84	-260	-143
Deposit SPI	-643	275	-512
Lain-lain	54	-130	-112
Jumlah	**-598**	**3,587**	**489**

Deposit tetap dan permintaan meningkat, sementara deposit lebih rendah terutama dalam bentuk repo dan NID

Pembiayaan sektor swasta meningkat

Persekitaran kadar faedah yang rendah dan stabil, serta keadaan mudah tunai yang lega menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi domestik. Pada bulan September, **jumlah pembiayaan kasar** melalui pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan dana yang diperoleh daripada pasaran modal meningkat kepada RM38 bilion (RM35.6 bilion pada bulan Ogos).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal




Aktiviti pinjaman sistem perbankan semakin kukuh pada bulan September. **Pengeluaran pinjaman** meningkat kepada RM36.2 bilion (Ogos: RM33.1 bilion) dan terus disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi. Pengeluaran kepada sektor perniagaan meningkat kepada RM23.1 bilion pada bulan September (Ogos: RM20.5

bilion), mencakupi 64% daripada jumlah pengeluaran pinjaman pada bulan tersebut. Sementara itu, pengeluaran kepada individu berjumlah RM8.7 bilion atau 24% daripada jumlah pengeluaran pinjaman pada bulan September (Ogos: RM8.8 bilion).


Pinjaman yang belum dijelaskan terus meningkat sebanyak RM2.6 bilion (pertumbuhan tahunan sebanyak 3.8% pada akhir bulan September; 3.6% pada akhir bulan Ogos). Disebabkan pembayaran semula oleh sektor perniagaan yang berterusan tinggi, sebahagian besar daripada pengembangan dalam pinjaman terus didorong oleh sektor runcit, terutamanya untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang. Pinjaman yang disalurkan kepada sektor perniagaan juga kekal berjangka pendek, terutama untuk memenuhi keperluan modal kerja.

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)



Pinjaman yang kekal kukuh seperti dicerminkan oleh kelulusan dan pengeluaran pinjaman

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih




Pengeluaran pinjaman terus disalurkan kepada pelbagai sector ekonomi

Dana yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi

Jumlah **dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal** adalah lebih tinggi pada bulan September berjumlah RM4.5 bilion. Dana bersih yang lebih tinggi diperolehi oleh sektor awam berikutan terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia yang berjumlah RM3.7 bilion. Sektor swasta juga menunjukkan dana bersih yang lebih tinggi sebanyak RM1.9 bilion terutamanya melalui terbitan baru sekuriti hutang swasta.


Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal [1/]



1/ Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE CI) terus merosot pada bulan September berikutan kebimbangan mengenai ulangtahun tragedi 11 September dan ketegangan di antara AS dan Iraq. Sementara itu, ketiadaan penunjuk baru di pasaran tempatan juga menyumbang kepada prestasi pasaran yang lemah. Pada 30 September KLSE CI ditutup pada 638.01 mata (-10.3% sejak akhir bulan Ogos) dengan permodalan pasaran sebanyak RM476.35 bilion (-10% sejak akhir bulan Ogos). Purata urusniaga harian adalah sebanyak 138.6 juta unit (143.2 juta unit pada bulan Ogos).




KLSE CI merosot pada bulan September

Sentimen pasaran di BSKL kekal lemah pada tiga minggu pertama bulan Oktober disebabkan kebimbangan mengenai kelemahan ekonomi AS, kenaikan harga minyak mentah serta ketegangan berterusan di Timur Tengah. Pasaran kembali stabil pada akhir minggu ketiga berikutan pemulihan prestasi pasaran AS. Pada 25 Oktober, KLSE CI ditutup lebih tinggi pada 655.68 mata (+2.8% sejak akhir bulan September) dengan permodalan pasaran sebanyak RM486.41 bilion (+2.1% sejak akhir bulan September). Purata urusniaga harian adalah lebih tinggi sebanyak 154.3 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih BNM berjumlah sebanyak RM129 bilion atau AS$33.96 bilion pada 30 September 2002. Aliran masuk perolehan eksport yang dibawa pulang berterusan pada bulan September. Aliran keluar mencerminkan pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan, pembayaran balik hutang luar negeri dan aliran dana portfolio. Paras rizab pada akhir bulan September telah mengambilkira pelarasan sukuan yang menghasilkan kerugian penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasi berjumlah sebanyak AS$122 juta, disebabkan terutamanya oleh susut nilai yen dan euro berbanding dollar AS pada suku ketiga. Rizab meningkat sebanyak RM171.5 juta atau AS$45.1 juta pada separuh pertama bulan Oktober kepada RM129.2 bilion atau AS$34.01 bilion pada 15 Oktober 2002.

Aliran masuk perolehan eksport yang dibawa pulang yang ketara adalah lebih daripada memadai untuk membiayai pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan, pembayaran balik hutang luar negeri, dan aliran keluar dana portfolio. Paras rizab adalah memadai untuk membiayai 5.4 bulan import tertangguh dan adalah 5 kali hutang luar negeri jangka pendek.




Sistem perbankan berkedudukan kukuh

Kedudukan kewangan sistem perbankan terus mengukuh berdasarkan peningkatan di dalam kualiti aset dan kedudukan modal. Nisbah pinjaman tidak berbayar (klasifikasi 6 bulan) terus menurun kepada 7.7% untuk tiga bulan berturut terutamanya disebabkan pinjaman dihapus kira. Di samping peningkatan dalam kualiti aset, sistem perbankan terus selesa dengan nisbah modal aset berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing berada pada tahap 13.3% dan 11.0% pada akhir bulan September 2002.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan*							
	1998	1999	2000	2001		2002	
	Dis.	Dis.	Dis.	Jun.	Dis.	Ogos.	Sep.
Modal (%)							
Nisbah modal teras	8.7	10.1	10.7	10.5	11.1	11.0	11.0
RWCR	11.8	12.5	12.5	12.6	13.0	13.3	13.3
NPL bersih (klasifikasi 6 – bulan)							
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.0	8.1	7.9	7.7
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,291	32,775	32,845	32,558
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.8


** Mulai Jun 1999, jadual ini merangkumi institusi perbankan Islam*

Sistem Perbankan: Petunjuk Kedudukan Modal



….RWCR dan nisbah modal teras masing-masing terus mengukuh kepada 13.3% dan 11.0%

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



…Nisbah NPL bersih terus menurun kepada 7.7%

Pada 14 Oktober 2002, Danaharta telah melancarkan tender hartanah yang ketujuh dengan menawarkan sebanyak 180 hartanah dengan nilai indikatifnya sejumlah RM626.2 juta. Hartanah yang ditawarkan ini kebanyakannya merangkumi tanah pembangunan dan hartanah industri. Tender hartanah ini akan ditutup pada 13 November 2002.

Setakat akhir bulan September 2002, baki suntikan modal oleh Danamodal kekal sebanyak RM2.1 bilion. Danamodal dijangka akan menamatkan operasinya pada tahun 2003.

Bank Negara Malaysia
28 Oktober 2002

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Ogos 2002		September 2002	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM bilion)	(%)	(RM bilion)	(%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	40.5	2.4	40.0	1.6
M1	83.2	10.6	83.5	9.0
M2	373.3	5.8	372.1	4.6
M3	488.1	6.2	490.2	5.5
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	491.7	3.9	492.2	3.1
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	485.2	3.6	487.8	3.8
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	423.3	3.3	425.8	3.5
Nisbah pinjaman-deposit (%)	86.1		86.5	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	11.6		14.8	
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	33.1		36.2	
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.3		13.3	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	7.9		7.7	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	130.1		129.0	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	34.2		34.0	
Bilangan bulan import tertangguh	5.5		5.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.97 [2.88]		2.98[2.88]	
3-bulan	2.86 [2.86]		2.83[2.84]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20 [3.20]		3.20[3.20]	
3-bulan	3.20 [3.20]		3.20[3.20]	
BLR bank perdagangan	6.39 [6.39]		6.39[6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	103.3	2.1	103.4	2.1
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	133.8	4. 5	-	-
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding mata wang terpilih (akhir tempoh)				
Euro	3.7430		3.7379	
Paun Sterling	5.8822		5.9464	
Dolar Singapura	2.1733		2.1384	
100 Yen Jepun	3.2213		3.1280	
100 Baht Thai	9.0069		8.7608	
100 Peso Filipina	7.3348		7.2526	
100 Rupiah Indonesia	0.0429		0.0422	
100 Won Korea	0.3167		0.3093	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperoleh:				
sektor awam (RM bilion)	…		2.7	
sektor swasta (RM bilion)	0.6		1.9	
Indeks Komposit BSKL (akhir-tempoh)	711.36		638.01	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	529.53		476.35	